



## USUL SIDANG MUDA 2021

### USUL INI MENYOKONG BAHAWA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MENGAMBIL ALIH PERKHIDMATAN FERI IKONIK PULAU PINANG DARI KERJAAN PERSEKUTUAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli dewan yang pada hadirin yang saya hormati. Saya berasa amat gembira dan bangga kerana saya sebagai orang muda diberi peluang untuk berdiri dalam dewan yang mulia ini untuk membenteng usul saya. Dalam yang mulia ini, saya ingin membenteng satu usul yang berbunyi,

“USUL INI MENYOKONG BAHAWA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MENGAMBIL ALIH PERKHIDMATAN FERI IKONIK PULAU PINANG DARI KERJAAN PERSEKUTUAN.”

Pada 15 Disember 2020, Penang Port SDN. BHD., (PPSB) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, (SPPP) telah mengumumkan bahawa 1 Januari 2021 bahawa perkhidmatan feri bagi penumpang adalah menggunakan feri laju manakala bagi perkhidmatan feri untuk motosikal dan basikal adalah menggunakan feri ikonik Pulau Pinang. Perkhidmatan feri bagi kenderaan empat tayar tidak akan disediakan mulai 1 Januari 2021. Penggunaan feri laju dan feri ikonik Pulau Pinang merupakan langkah interim kerana PPSB akan memperkenalkan feri baru iaitu water bus dan vehicle transporter untuk menggantikan feri ikonik Pulau Pinang dan feri laju pada tahun 2022 atau lebih awal lagi. *Water bus* dan *vehicle transporter* hanya membawa penumpang dan kenderaan dua roda seperti motosikal dan basikal.

Negeri Pulau Pinang mempunyai enam feri ikonik Pulau Pinang. Pada 1 Julai 2021, SPPP telah menyerahkan 5 feri ikonik Pulau Pinang kepada 3 syarikat yang berkelayakan. Syarikat-syarikat tersebut akan mengubahsuai feri-feri ikonik ini kepada sebuah muzium terapung, dua buah feri pelancongan dan dua buah restoran terapung. Pada 1 Julai 2021, SPPP juga bersetuju Feri Pulau Angsa diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengadakan majlis penyerahan untuk menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan.

Ahli-ahli dewan yang saya hormati,

Keputusan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia ialah feri ikonik Pulau Pinang ini akan berhenti perkhidmatan di negeri kita. Menurut wawancara Astro Awani, ramai rakyat Pulau Pinang dan pelancong mengatakan bahawa mereka tidak bersetuju kerajaan persekutuan menamatkan perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang kerana feri ikonik Pulau

Pinang merupakan kenangan yang manis. Tidak dapat dinafikan, feri ikonik Pulau Pinang memberikan sumbangan kepada negara kerana feri ikonik Pulau Pinang telah berkhidmat selama 126 tahun untuk menghubungkan tanah besar di Seberang Perai dengan bahagian pulau negeri. Sebagai peminpin muda dan peminpin negeri Pulau Pinang, kita perlu mempertahankan warisan dan sejarah negeri Pulau Pinang kerana feri ikonik Pulau Pinang ialah ialah simbol dan identiti negeri Pulau Pinang. Sebagai wakil rakyat, kita tidak boleh membuat polisi sahaja di pejabat sahaja. Kita haruslah keluar dari pejabat untuk mendengar suara rakyat dan memahami sentimen rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam dewan yang mulia, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggunkan Feri Pulau Angsa untuk meneruskan perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang. Feri Pulau Angsa bertanggungjawab membawa penumpang, motosikal, basikal dan kenderaan empat tayar. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas terdiri daripada pakar untuk mengurus perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang. Jawatankuasa khas bertanggungjawab meningkatkan kualiti feri untuk menjaga keselamatan ramai rakyat dan pelancong dan meningkatkan imej perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang pada peringkat antarabangsa. Jawatankuasa khas ini akan berkerjasama dengan pakar negara luar dan negara kita untuk melakukan “Operasi Penukaran Jantung”. Jawatankuasa khas akan memasang enjin baru pada Feri Pulau Angsa untuk mengurangkan kos dan mengurangkan pencemaran udara. Feri Pulau Angsa akan menjadi feri hibrid pada masa yang akan datang. Langkah pemasangan enjin baru pada feri juga diambil oleh negara lain seperti Denmark, Taiwan, Hong Kong, Kanada, dengan lain-lain. Jawatankuasa khas ini akan menjalinkan hubungan dengan negara ini untuk mendapat maklumat atau teknologi feri.

Pada masa yang sama, saya juga bersetuju dengan kerajaan membeli *water bus* dan *vehicle transporter*. Hal ini demikian kerana pembelian ini akan memodenkan air pengangkutan Pulau Pinang dan ketika feri ikonik Pulau Pinang diperbaiki, perkhidmatan feri tidak berhenti.

Kesimpulanya, cadangan saya ialah Feri Pulau Angsa memberi perkhidmatan feri kepada rakyat Malaysia bersama-sama dengan feri baru, iaitu *water bus* dan *vehicle transporter*. Perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang dan feri lama yang dijalankan secara serentak menggambarkan penggabungan unsur tradisional dan moden. Gabungan ini bukan sahaja untuk melindungi warisan dan sejarah Pulau Pinang tetapi juga menggunakan teknologi yang canggih dalam pengangkutan air. Saya mengakui bahawa mengekalkan feri ikonik Pulau Pinang memerlukan modal yang besar tetapi saya ingin menekankan sekali lagi, wang dan warisan tidak dapat dibandingkan. Saya percaya bahawa penyelesaian saya adalah sempurna kerana cadangan ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah rakyat tetapi juga untuk merangsang ekonomi negeri Pulau Pinang. Saya meminta ahli-ahli dewam yang hormati memberi sokongan supaya usul ini diluluskan dalam dewan yang mulia ini.

Sekian, terima kasih.

**Ng Zhen Feng**

EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif

Sidang Muda 2021

